

Tarikh : 11 Oktober 2023

No. Rujukan : ER01350002

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN SEMULA MSPO KE ATAS R.H PLANTATION SDN BHD – LADANG SELANGOR

R.H Plantation Sdn Bhd – Ladang Selangor telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap “*Malaysian Sustainable Palm Oil*” (MSPO), MS 2530:2013 di unit pengurusannya.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut:


1. Nama unit pengurusan	: R.H Plantation Sdn Bhd – Ladang Selangor
2. Tarikh mula audit	: 23 November 2023
3. Tarikh akhir audit	: 24 November 2023
4. Lokasi audit	: Lot 6, 56, 58, 59 & 65, Jalan Beluru/ Long Teru, Beluru Bakong, 98000 Miri, Sarawak, Malaysia.
5. Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	: 4,785.57 Ha
6. Standard yang digunakan	: MS 2530-3:2013 Standard ini boleh dibeli melalui http://www.msonline.gov.my/catalog.php
7. Ahli pasukan audit	: 1) Ahmad Kamal Bin Shahabuddin 2) Nor Ezani Binti Ahmad

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 23 November 2023**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar,


Kamini A/P Sooriamorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



ACB ABMS 01
ACB EnMS 01
ACB FMC 02
ACB GMP 04
ACB HACCP 03
ACB MSPO 05
ACB PS 03
MIBAS 003



ACB EMS 02
ACB FSMS 01
ACB ISMS 01
ACB MDQMS 04
ACB OSHMS 01
ACB PC 01
ACB QMS 01



SAMM 085
SAMM 086
SAMM 087
SAMM 240
SAMM 377
SAMM 734
SAMM 735



0074



